

PERTANDINGAN ENERGY EFFICIENCY (EE) CHALLENGE 2016

“KEMPEN PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK”

BORANG PENYERTAAN EE CHALLENGE

(Tarikh tutup penyertaan adalah pada 30 Mac 2016)

MAKLUMAT SEKOLAH

Nama sekolah: _____

Alamat sekolah: _____

No. tel. (sekolah): _____

No. faks. (sekolah): _____

Laman sesawang (sekiranya ada): _____

Tahun penubuhan: _____

Bilangan pelajar: _____

Bilangan kakitangan: _____

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Nama pegawai: _____

Jawatan: _____

No. tel. _____

Emel : _____

No. faks.: _____

Dengan ini saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diserahkan termasuk dokumen-dokumen sokongan adalah benar dan saya bersetuju dengan semua syarat pertandingan ini.

Disertakan bersama-sama ini salinan bil-bil elektrik sekolah bagi bulan April, Mei, Jun, Julai dan Ogos 2015 dengan jumlah penggunaan tenaga elektrik bagi 5 bulan tersebut sebanyak _____ kWh untuk rujukan.

Tandatangan:

Tarikh:

Cop sekolah:

ENERGY EFFICIENCY CHALLENGE 2016

“KEMPEN PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK”

KATEGORI PERTANDINGAN

Pertandingan ini terbuka kepada semua sekolah-sekolah menengah di seluruh Semenanjung Malaysia.

OBJEKTIF PERTANDINGAN

Pertandingan ini diadakan bagi mencapai beberapa objektif berikut:-

1. Mendidik dan memupuk budaya menjimatkan tenaga elektrik serta menghargai sumber tenaga di kalangan para pelajar dan warga sekolah.
2. Memberi kesedaran dan mendorong perubahan sikap positif para pelajar dan warga sekolah tentang kepentingan penjimatan tenaga elektrik dan pemuliharaan alam sekitar.
3. Membudayakan kehidupan cekap tenaga (*energy efficient*) di kalangan generasi muda bagi memastikan sumber bahan api dapat digunakan dengan sebaiknya.

TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Syarat-syarat pertandingan ini adalah seperti berikut:-

- Pertandingan ini dianjurkan oleh Suruhanjaya Tenaga.
- Penyertaan terbuka kepada semua sekolah-sekolah menengah di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun setiap sekolah hanya terhad kepada satu penyertaan sahaja.
- Sekolah yang berminat perlu mengisi **BORANG PENYERTAAN EE CHALLENGE 2016** seperti di lampiran dan mengemukakannya kepada Urus Setia EE Challenge bersama-sama sesalinan bil elektrik masing-masing bagi bulan **April, Mei, Jun, Julai dan Ogos bagi tahun 2015** (digunakan sebagai *baseline*).
- Borang penyertaan yang telah lengkap diisi perlu sampai kepada Urus Setia EE Challenge **sebelum atau pada 30 Mac 2016**.
- Bil atau bil-bil elektrik bulanan yang dikemukakan kepada Urus Setia EE Challenge perlu menunjukkan penggunaan elektrik yang merangkumi keseluruhan kawasan sekolah seperti bangunan akademik, pejabat guru, makmal, dewan dan lain-lain. Bil-bil tersebut akan digunakan sebagai bukti ketika proses penilaian nanti.
- Aktiviti-aktiviti penjimatan elektrik di setiap sekolah boleh dilaksanakan mengikut permulaan tarikh bil elektrik bagi bulan April 2015.


- Bil elektrik yang akan dinilai ialah bil-bil elektrik bagi bulan bulan **April, Mei, Jun, Julai dan Ogos 2016**. Bil-bil elektrik bagi bulan bulan **April, Mei, Jun, Julai dan Ogos 2015** akan digunakan sebagai rujukan (*baseline*) untuk penilaian. Semua keputusan pertandingan adalah muktamad.
- Setiap sekolah dikehendaki menghantar sesalinan bil-bil elektrik bagi bulan **April, Mei, Jun, Julai dan Ogos 2016** bersama-sama laporan aktiviti-aktiviti penjimatan elektrik yang telah dijalankan sepanjang tempoh pertandingan kepada Urus Setia EE Challenge **sebelum atau pada 30 September 2016**.
- Pihak Urusetia EE Challenge 2016, akan dari semasa ke semasa akan mendapatkan salinan bil daripada pihak TNB untuk tujuan penilaian dan pengesahan.

KRITERIA PENILAIAN PERTANDINGAN

Pemarkahan pertandingan adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

- Perbandingan indeks spesifik penggunaan tenaga elektrik berdasarkan bilangan kelas (kwh/kelas) dan bilangan pelajar/guru/kakitangan (kwh/individu).
- Konsistensi dalam pengurangan penggunaan elektrik sepanjang tempoh pertandingan.
- Laporan terperinci berkenaan aktiviti-aktiviti penjimatan elektrik yang dilaksanakan sepanjang tempoh pertandingan.

CARTA ALIRAN PERTANDINGAN



HADIAH

Hadiah Pertama

- Wang Tunai Bernilai RM15,000
- “Plaque” dan Sijil Penyertaan

Hadiah Kedua

- Wang Tunai Bernilai RM12,000
- “Plaque” dan Sijil Penyertaan

Hadiah Ketiga

- Wang Tunai Bernilai RM10,000
- “Plaque” dan Sijil Penyertaan

Hadiah Saguhati (5x pemenang)

- Wang Tunai Bernilai RM5,000
- Sijil Penyertaan

PERTANYAAN LANJUT

BORANG PENYERTAAN EE CHALLENGE perlu dihantar kepada Urus Setia EE Challenge di alamat berikut:

URUS SETIA EE CHALLENGE 2016

Jabatan Pembangunan Pengurusan Tenaga dan Kualiti Perkhidmatan
Suruhanjaya Tenaga
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,
62100 Putrajaya.
Faks.: 03 8888 8648

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai-pegawai berikut:

1. Pn. Nur Hamiza Bt. Mirsa Hussain
Tel.: 03 8870 8694
Emel: nurhamiza@st.gov.my
2. Cik Eda Sofia Binti Othman
Tel.: 03 8870 8630
Emel: sofia@st.gov.my